

KPDNHEP turun ke lapangan cari solusi kenaikan harga ayam

Jun 26, 2020 Ditulis oleh Media Baharu

PUTRAJAYA, 26 Jun - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memandang serius isu kenaikan harga ayam sejurus selepas tamat pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan seperti yang dilaporkan di media tempatan baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi berkata kementerian juga sentiasa mendapatkan data terkini di mana pengurusan tertinggi sendiri turun padang untuk mendapatkan input dari peniaga dan pengguna yang ditemui di lapangan.

Menurut satu kenyataan, KPDNHEP telah mengadakan sesi libat-urus dengan lima syarikat penternak ayam baru-baru ini untuk mendapatkan pandangan yang mempengaruhi harga ayam di pasaran terkini.

Pada masa sama 2,300 pegawai penguatkuasa digerakkan bagi memantau dan memeriksa premis perniagaan termasuk bekalan dan harga ayam di kedai runcit, pasar awam dan pasaraya serta bertindak melalui aduan pengguna.

Jelas Datuk Alexander Nanta, pihaknya juga menggerakkan lebih 1,000 pemantau harga yang mengumpul harga barangan asas termasuk ayam setiap hari di seluruh negara.

Daftar harga tersebut boleh diperolehi menerusi aplikasi "Price Catcher".

Notis 21 dibawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 telah dikeluarkan KPDNHEP kepada semua penternak bagi mendapatkan maklumat dalam mengesan rantaian bekalan sebelum tiba kepada peniaga dan pengguna.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/19526-kpdnhep-turun-ke-lapangan-cari-solusi-kenaikan-harga-ayam>